

Peraturan disetujui masih boleh diperbaiki

PERATURAN-PERATURAN dalam olahraga silat yang ada sekarang adalah memadai untuk pertandingan dalam Sukan SEA.

Bagaimanapun, Mejar-Jeneral Eddie berkata peraturan yang disetujui dalam satu mesyuarat Persilat dalam 1980 itu tidak bermakna telah sempurna.

Sebaliknya, ia boleh diperbaiki lagi dari masa ke masa, sesuai dengan keperluan masa dan perkembangan olahraga silat itu sendiri.

Setiap peserta yang ingin mengambil bahagian diperlukan menjalani pemeriksaan doktor untuk memastikan tahap kesihatannya agar perkara yang tidak diinginkan tidak berlaku.

Tahap kesihatan peserta juga harus disahkan oleh seorang doktor yang layak.

Sebagai persediaan, setiap pesilat dalam waktu bertanding juga

diarahkan agar mengenakan pelindung dada, perut dan kemaluan untuk mengelakkan kecelakaan.

Dalam pertandingan pula, setiap pesilat diletakkan dalam kelas-kelas yang berlainan berdasarkan berat badan. Ini adalah serupa dengan kelas-kelas yang dikenakan bagi petinju.

Bezanya kelas-kelas bagi pertandingan olahraga silat adalah lebih banyak.

Mejar-Jeneral Eddie menambah peraturan-peraturan itu telah ditetapkan dalam Kongres Persilat yang dijalankan dalam 1980 di Jakarta.

Dalam perkiraan mata pula, satu mata diberikan kepada tangkisan/elakkan yang berhasil, yang disusuli dengan serangan yang mengenai sasaran.

Satu mata juga diberikan untuk serangan dengan tangan yang mengenai sasaran.

Dua mata pula diberikan bagi serangan dengan kaki yang mengenai sasarannya sementara tiga

mata diberikan bagi pesilat yang berjaya menjatuhkan lawan.

Mata yang terbanyak (lima mata) diberikan kepada peserta yang berjaya mengunci lawan selama lima saat. **Berita Minggu**

Mejar-Jeneral Eddie juga berharap peraturan pertandingan itu dapat diperbaiki dari masa ke masa.

Memberikan contoh, beliau berkata bila tiba masanya "apabila peserta sudah dewasa" alat pelindung tidak diperlukan lagi, yang akan menjadikan pertandingan itu "lebih murni".

Ketiadaan alat pelindung akan mendorong pesilat yang mengambil bahagian agar dapat mengawal diri dengan lebih baik lagi, katanya.

Beliau menambah semua peraturan itu difikirkan bersama oleh anggota Persilat dan tidak dceduk daripada mana-mana seni pertahanan diri seperti tae-kwondo atau judo.

Idea memasyarakatkan olahraga silat berputik dari Indonesia

PERBINCANGAN pertama untuk memasyarakatkan olahraga silat di rantau ini berputik dalam 1978.

Ketika itu perwakilan-perwakilan dari Malaysia, Singapura dan Indonesia bertemu di Jakarta dalam Festival Seni Silat Asean anjuran Ipsi. Dalam festival itu, Indonesia menurunkan pesilat athlit untuk menunjukkan cara olahraga silat.

"Idea itu datang dari Indonesia dan kami bincangkan dan akhirnya bersetuju," kata Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff. **12 OCT 1986** **Berita Minggu**

Dalam perbincangan itu juga, Singapura disarankan supaya mengadakan satu persembahan olahraga silat, katanya.

Menurut beliau lagi, ekoran daripada persetujuan itu, Persisi mencuba olahraga silat di sini dalam 1979.

"Kami undang beberapa pesilat athlit, wasit, juri dan panitia silat olahraga dari Indonesia untuk memperagakan olahraga silat yang boleh menjadi cabang sukan," katanya.

Di samping itu, diadakan juga kursus-kursus singkat pada sebelah siang yang berlangsung selama tujuh hari.

"Memang agak sulit juga. Sebahagian guru tidak berminat kerana seninya kurang. Tanggapan mereka ialah ia tidak ubah seperti tae-kwan-do dan karate.

"Tetapi lama-kelamaan olahra-

ga silat telah dapat diterima walaupun masih ada yang masih belum menerima sepenuhnya," tambahnya.

Menyentuh tentang Sukan SEA tahun depan, Encik Johari berkata Persisi menerima surat dari Indonesia agar Singapura memberi sokongan untuk olahraga silat dipertandingkan.

Beliau lantas menulis kepada Majlis Olimpik Nasional Singapura (SNOC) Mei lalu agar majlis itu memberikan sokongan kepada olahraga silat dalam mesyuarat badan utama sukan itu di Jakarta.

"Dalam usul kami itu, kami katakan jika terdapat sebarang cadangan di Jakarta, kami di Singapura menyokong usul itu," beliau menambah.